

14 JUL 1998

MAHATHIR-DANA/I

KERAJAAN AKAN MEMINJAM UNTUK PERMODALAN SEMULA BANK TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan meminjam dan menggunakan dana tempatan untuk digunakan bagi permodalan semula bank-bank tempatan yang memerlukan RM16 bilion.

"Kita mempunyai simpanan yang agak besar, contohnya Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dengan caruman bulanan sebanyak RM1.2 bilion," katanya.

Sebahagian daripada pinjaman itu akan diperolehi menerusi terbitan bon di dalam dan di luar negara, katanya kepada pemberita selepas membuka Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia yang mempunyai 1,050 katil di Bandar Tun Razak, Cheras dekat sini.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata RM16 bilion diperlukan untuk sistem perbankan bagi tempoh 1998 dan 1999 untuk mengekalkan nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) pada tahap kurang daripada sembilan peratus.

Anwar berkata perkiraan itu dibuat "berdasarkan kepada situasi sebelum dan semasa dan dengan memberikan senario terburuk".

Mengenai kadar faedah, Dr Mahathir berkata kerajaan akan mencari jalan lain untuk mengurangkan kadar faedah tanpa menyentuh kadar pinjaman asas (BLR).

Kerajaan boleh mengurangkan BLR tetapi jika ia berbuat demikian, beberapa negara lain mungkin menaikkan kadar faedah mereka, dan menyebabkan aliran keluar dana daripada Malaysia, katanya.

Kesan lain adalah kemungkinan peniaga-peniaga matawang akan menurunkan nilai ringgit kerana mereka mungkin memutuskan "ianya tidak sesuai", tambahnya.

Mahathir berkata kerajaan berharap dapat menurunkan lagi BLR dalam tempoh terdekat ini.

Beliau juga berkata bahawa oleh kerana kerajaan telah mengurangkan julat faedah, bank-bank mungkin juga akan mengurangkan margin mereka.

Langkah ini tidak akan menjerut bank-bank, tegasnya.

"Jika jumlah pinjaman adalah cukup besar, mereka boleh mendapat wang yang mencukupi," katanya.

Sementara itu, perdana menteri melahirkan harapan agar kerajaan dan pimpinan baru Jepun akan mempunyai sikap untuk mengambilkira masalah di Asia Tenggara.

Mengulas mengenai perletakan jawatan Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto, beliau berkata: "Kita terkejut jugalah yang dia kalah begitu teruk".

"Bagaimanapun kita berharap kerajaan dan pemimpin baru Jepun akan mempunyai sikap mengambilkira masalah di Asia tenggara," katanya.

Hashimoto meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri Jepun dan Presiden Parti Liberal Demokrat (LDP) semalam ekoran kekalahan memalukan partinya dalam pilihanraya Senat.

LDP mengekalkan hanya 44 daripada 61 kerusi dalam pilihanraya itu -- keputusan terburuk sejak pilihanraya 1989.

-- BERNAMA

AD JR MA